

24/01/2002

Penganalisis jangka senario baru penggabungan bank

Nor Liza Ahmad

KEGAGALAN cadangan penggabungan RHB Bank Bhd (RHB Bank) dengan Utama Banking Group Bhd (UGB) dijangka memberikan satu senario baru yang menjurus ke arah tercetusnya satu pusingan penggabungan baru dalam sektor perbankan tempatan.

Penganalisis berpendapat, keadaan itu mungkin berlaku kerana UGB kini dilihat sebagai semakin terdesak untuk mencari rakan penggabungan baru bagi mengelak daripada lesen perbankan yang dimilikinya, dibatalkan.

Perkara itu diperkukuhkan lagi dengan pendirian tegas kerajaan untuk hanya membenarkan 10 bank teras beroperasi di negara ini menjelang pertengahan 2002, seperti yang dinyatakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bersetuju untuk memberikan tempoh sehingga Jun ini bagi membolehkan UGB yang berpangkalan di Sarawak, mencari rakan penggabungan baru.

Industri perbankan tempatan yang sebelum ini mempunyai 54 bank, sebenarnya diberi tempoh hanya sehingga akhir tahun lalu supaya bergabung membentuk 10 bank teras.

Menurut penganalisis, pusingan baru rundingan penggabungan sektor perbankan tempatan, yang tercetus berikutan kegagalan RHB Bank bergabung dengan UGB mungkin berlaku tidak lama lagi.

Dalam keadaan UGB semakin terdesak untuk mencari rakan penggabungan baru itu, beberapa bank yang sudah memiliki status bank teras ketika ini, dijangka mengambil kesempatan untuk terus memperkukuhkan kedudukan masing-masing.

Ini termasuk kemungkinan UGB menyertai sebahagian daripada penggabungan bank teras terbabit yang mungkin memberikannya peluang memenuhi hasratnya menjadi satu daripada peneraju dalam industri perbankan.

"Sebagai contoh, ramai berpendapat RHB mungkin bergabung dengan Bumiputra-Commerce Bank Bhd (BCB) untuk membentuk satu entiti yang mampu memberi saingan sengit kepada kumpulan Malayan Banking Bhd (Maybank)," kata penganalisis.

Perkembangan itu seterusnya mungkin mendorong berlakunya satu pusingan penggabungan baru yang mungkin menyaksikan kumpulan perbankan lebih kecil berbuat yang sama, bagi memastikan mereka mampu terus bersaing di pasaran.

Penganalisis lain berkata, pusingan baru itu dijangka menyaksikan penggabungan beberapa bank yang lebih kecil sehingga menjadikan hanya kira-kira enam bank teras beroperasi, berbanding 10 yang disarankan kerajaan.

Katanya, perkara itu dijangka berlaku kerana kerajaan sendiri dengan jelas menyatakan bahawa ia ingin melihat lebih banyak bank teras yang sedia ada bergabung bagi membentuk entiti lebih besar.

"Ini kerana, jika melihat dari segi saiz bank teras yang ada ketika ini, hampir semua bank tempatan mempunyai saiz yang sama kecuali Maybank dan gabungan RHB-BCB," katanya.

(END)